

Headline	Mamalia kecil penyelenggara hutan		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	26 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	45	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	432 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,953
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,859



Mamalia kecil 'penyelenggara hutan'

Kuala Lumpur: Dalam menjaga keseimbangan ekosistem hutan, bukan tumbuhan atau tanah saja yang perlu diberi tumpuan.

Hidupan liar seperti harimau, gajah, monyet, burung, ular serta spesies mamalia kecil juga perlu menjadi keutamaan dan usaha untuk pemeliharaan hidupan liar berkenaan perlu dipergiatkan terutama di kawasan hutan yang berfragmentasi.

Menurut Pegawai Penyelidik merangkap Ketua Program Biodiversiti Fauna, Bahagian Biodiversiti Hutan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Mohammad Shahfiz Azman, hidupan liar terutama spesies mamalia kecil yang hidup di kawasan hutan berfragmentasi (kawasan hutan yang tidak bersambung) boleh terjejas sekiranya usaha pemeliharaan tidak dilakukan segera kerana berisiko mengakibatkan kepupusan populasi haiwan terbabit.

Mamalia kecil penting dalam memastikan sebaran biji benih berlaku

di samping berperanan sebagai 'penyelenggara hutan' terutama spesies yang hidup di lubang seperti tikus, landak atau dekan.

Katanya, sebanyak 37 kawasan koridor hutan yang terpisah di lapan negeri di Semenanjung yang perlu diberi tumpuan kerana lokasi ini turut menjadi tumpuan keliaran hidupan liar diancam kepupusan seperti harimau belang.

"Ada agensi yang bertanggungjawab dalam memastikan pemeliharaan hidupan liar terutama mamalia besar seperti harimau belang.

"Kami di FRIM memberi tumpuan kepada mamalia kecil yang beratnya kurang daripada lima kilogram di samping hidupan liar lain seperti burung, amfibia, reptilia dan ikan air tawar.

"Ini kerana terdapat lebih 60 peratus daripada kelompok mamalia darat adalah bersaiz kecil," katanya.

Mohammad Shahfiz berkata, untuk mengkaji

sesuatu populasi atau habitat hidupan liar, dia dan pasukannya akan turun padang ke kawasan yang dikenal pasti untuk menjalankan penyelidikan.

Katanya, antara kaedah yang sering menjadi pilihan adalah menggunakan teknologi perangkap kamera yang mampu mengambil lebih 10,000 keping gambar serta video berdurasi sekurang-kurangnya 15 saat.

"Perangkap kamera ini berfungsi melalui dua cara iaitu pengesanan haba dan pergerakan hidupan liar ini.

"Di sesuatu lokasi kajian, kami biasanya akan memasang 30 hingga 50 perangkap kamera di atas pokok dengan standard ketinggian satu meter dari aras tanah.

"Selain perangkap kamera, kami juga menggunakan kaedah perangkap lain seperti perangkap Sherman, perangkap Harp, perangkap boleh lipat, cangkuk dan banyak lagi," katanya.

Kata Mohammad Shahfiz lagi, hidupan liar yang ditangkap akan

dikenal pasti, ditanda dan diambil gambar sebelum dilepaskan kembali selepas semua proses diperlukan selesai.

Katanya, bagi yang memerlukan kajian lanjut, haiwan terbabit akan dibawa pulang ke makmal untuk tujuan penyelidikan lain.

"Sebagai contoh, ketika ini kami mengkaji mengenai pembawa bakteria leptospira atau penyakit kencing tikus yang sememangnya diketahui berbahaya dan boleh membawa maut.

"Ini kerana, bakteria berkenaan bukan hanya boleh berpunca daripada tikus sebagai pembawa semata-mata sebaliknya juga berkemungkinan besar daripada haiwan lain seperti anjing liar, kera, beruk, kucing serta babi.


"Apapun, semua itu masih dalam peringkat kajian awal dan belum dapat dipastikan sehingga penyelidikan ini selesai," katanya.

Headline	Mamalia kecil penyelenggara hutan		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	26 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	45	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	432 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,953
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,859



BEBERAPA perangkap yang sering digunakan dalam penyelidikan FRIM ke atas spesies mamalia kecil.

Headline	Mamalia kecil penyelenggara hutan		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	26 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	45	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	432 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,953
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,859



MOHAMMAD Shahfiz menunjukkan kamera perangkap yang biasa digunakan untuk mengkaji mamalia kecil atau hidupan liar.